

Langkah-langkah Mengatasi Gejala Mat Rempit

Isu mat rempit kerap menjadi perbincangan dalam media cetak dan elektronik. Isu ini bertambah hangat diperkatakan apabila ada mat rempit terlibat dalam kemalangan lalu menyebabkan kematian orang awam. Pada pandangan saya, (1)

_____. Hal ini kerana (2) _____ dan menambah bilangan korban jalan raya. Oleh itu, terdapat beberapa langkah yang perlu dilakukan untuk menangani masalah mat rempit.

Ibu bapa adalah pihak yang patut memainkan peranan dalam menangani masalah mat rempit di kalangan anak-anak mereka. Kita sedia maklum bahawa banyak masa anak-anak berada di samping ibu bapa di rumah. Oleh itu, anak-anak sewajarnya diberi panduan oleh ibu bapa tentang ciri-ciri kawan yang baik dan diberi nasihat supaya (3)

_____. Jika ibu bapa membelikan anak-anak motosikal, pastikan pergerakan mereka dipantau pada setiap masa. Ibu bapa yang dapat (4) _____ pasti dapat menghindarkan anak mereka daripada terlibat dalam gejala mat rempit.

Selain itu, masyarakat juga turut berperanan membendung gejala mat rempit. Sikap masyarakat yang saling mengambil berat permasalahan setempat akan mempengaruhi aktiviti mat rempit. Mat rempit pasti berasa "tidak selamat" apabila masyarakat (5)

_____. Justeru, segala pergerakan mat rempit yang berlaku dalam masyarakat mesti diambil tindakan pencegahan dengan (6) _____ . Jika semua ahli masyarakat setempat mengambil tanggungjawab untuk menghapuskan gejala mat rempit, maka sudah pasti suasana (7)

Media massa juga perlu (8) _____. Keupayaan media massa dalam mempengaruhi hati dan minda manusia tidak dapat disangkal lagi.

Sewajarnya media cetak seperti akhbar dan majalah (9) _____. Media elektronik seperti televisyen pula boleh memainkan peranan dengan membuat iklan yang dapat (10) _____. Namun begitu, iklan-iklan dan kempen-kempen yang diadakan mestilah dipelbagaikan bentuk visualnya supaya dapat memberi kesedaran yang berpanjangan dan mendalam kepada mat rempit dan golongan remaja.

Kementerian Pengangkutan juga perlu memainkan peranan dan bersikap lebih proaktif. Kementerian Pengangkutan mempunyai kuasa untuk mencari alternatif baru untuk menangani masalah mat rempit. Sebagai contoh, (11)

_____ jika didapati mereka terlibat dengan aktiviti mat rempit dan lumba haram. Pihak Kementerian Pengangkutan juga boleh (12) _____ dalam usaha menangani gejala mat rempit dan lumba haram. Seterusnya, Kementerian Pengangkutan boleh juga menjalankan kempen keselamatan jalan raya yang memberi penekanan terhadap gejala mat rempit.

Di samping itu, pihak Kementerian Pelajaran juga boleh memainkan peranan penting. Hal ini kerana pihak Kementerian Pelajaran boleh mengadakan pelbagai aktiviti tentang menangani gejala mat rempit di sekolah-sekolah. Contohnya, pihak kementerian boleh menyuruh pihak

sekolah (13) _____ . Dalam perhimpunan rasmi sekolah pula, pengetua atau guru besar boleh mengingatkan pelajar tentang keburukan menjadi mat rempit. Jika terdapat aduan berlakunya gejala mat rempit, pihak sekolah patut memanggil pelajar berkenaan untuk (14) _____ .

Sebagai kesimpulan daripada perbincangan di atas, jelaslah bahawa banyak pihak boleh memainkan peranan dalam menangani isu mat rempit. Pada pendapat saya tidak wajar pihak kerajaan sahaja dibebani dengan tanggungjawab menangani gejala mat rempit. Kementerian Belia dan Sukan juga boleh memikirkan jalan keluar terhadap permasalahan mat rempit. Remaja yang terlibat dengan gejala mat rempit seharusnya sedar bahawa (15) _____ . Saya amat positif bahawa masalah mat rempit dapat diatasi dengan baik jika semua pihak bersatu padu dalam menanganinya.

<p>bergabung tenaga dengan pihak polis 与警方合作</p> <p>mengambil berat sikap negatif mereka 关注他们的负面行为</p> <p>membongkar isu keburukan gejala mat rempit 揭发非法飙摩托的不良问题</p> <p>aktiviti merempit bukan sahaja boleh mendatangkan masalah kepada diri sendiri malah kepada masyarakat dan juga negara 飙摩托活动不仅会给自己带来问题, 也会影响社会和国家</p> <p>memainkan peranan dalam membendung kegiatan mat rempit 在遏制非法飙摩托活动方面发挥作用</p> <p>tidak terlibat dengan aktiviti merempit dan lumba haram 不参与飙摩托和非法赛车活动</p> <p>gejala mat rempit boleh mendatangkan masalah kepada ketenteraman awam 非法飙摩托现象会影响社会安宁</p>	<p>memberi kasih sayang dan perhatian yang secukupnya kepada anak-anak 给予孩子足够的关爱与照顾</p> <p>mengadakan minggu kesedaran tentang gejala mat rempit 举办有关非法飙摩托的觉醒周</p> <p>semua pihak mesti mengambil berat tentang isu mat rempit 所有人都必须关注非法飙摩托问题</p> <p>memberi kesedaran kepada remaja tentang keburukan gejala merempit dan lumba haram 让青少年意识到飙摩托及非法赛车的坏处</p> <p>masyarakat akan menjadi lebih tenteram dan harmoni 社会将会变得更加安宁与和谐</p> <p>lesen memandu mat rempit ini harus digantung beberapa tahun atau seumur hidup 非法飙摩托者的驾照应被吊销数年或终身</p> <p>membuat laporan segera kepada pihak berkuasa 立刻向有关当局举报</p> <p>diberi kaunseling dan nasihat 给予辅导与劝告</p>
---	---